



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	23/12/2018

Ada usaha jatuhkan Mahathir - Khairuddin

Um- 23/12/2018 m/s: 64

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 22 DIS.**

AHLI Jawatankuasa Komunikasi dan Mobiliti Pakatan Harapan (PH), Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan mendakwa terdapat perancangan daripada pihak tidak bertanggungjawab untuk menggulingkan Tun Dr. Mahathir Mohamad daripada jawatan Perdana Menteri.

Menggelar pihak berkenaan sebagai 'puak parasit', Khairuddin yang juga Penyelaras Parlimen Jasin menjelaskan perkara tersebut dirancang oleh mereka yang kecewa kerana tidak mendapat sebarang jawatan.

"Saya dapat menghidu tindakan tidak bertanggungjawab puak-puak yang kecewa tidak dapat jawatan sedang berusaha untuk menjatuhkan Tun Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri! "Namun, puak-puak 'tahi kucing' ini terlalu kerdil bagi saya, Bukan niat saya untuk bersikap angkuh tetapi (dalam) kalangan



**KHAIRUDDIN
ABU HASSAN**

ini boleh dilipat-lipat masuk dalam kocek seluar saja, mereka ini 'pot tin' kosong yang pandai bercakap tapi tak boleh bekerja," katanya dalam kenyataan hari ini.

Kenyataan tegas Khairuddin tersebut dipercayai susulan daripada kenyataan Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri (MPN) PKR, Datuk Johari Abdul semalam.

Menurut Johari, kerajaan PH seolah-olah mengulangi kesilapan kerajaan terdahulu yang menyebabkan rakyat kecewa dan Dr. Mahathir seperti tidak tahu berbuat apa-apa dan hanya menghabiskan masa ke luar negara.

Malah, beliau turut menggesa Dr. Mahathir agar berhenti bermain isu berkaitan

Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai pencuri sedangkan bekas Perdana Menteri itu telah dihadapkan ke mahkamah dan terpulang kepada pihak berkuasa untuk menentukannya.

Khairuddin sementara itu, memberi amaran kepada pihak yang tidak mahu mengiktiraf kerja kuat Dr. Mahathir supaya jangan bersikap berlebihan.